

# **PEMBANGUNAN INSAN BERDASARKAN WASAIL AL-TARBIYAH: KAJIAN TERHADAP KITAB MAJMU'AT AL-RASAIL TULISAN HASAN AL-BANNA**

**(Human Development according to Wasail al-Tarbiyah: A Study on Majmu'at al-Rasail by Hasan al-Banna)**

Fakhrul Adabi Abdul Kadir\*

Yusmini Md. Yusoff\*\*

Zainudin Hashim\*\*\*

## **Abstrak**

*Hasan al-Banna merupakan seorang insan yang memiliki kekuatan untuk membawa obor-obor Islam tulen dengan pelbagai wasilah, uslub dan gaya persembahan untuk menangani fenomena melalui karyanya bagi misi menyelamatkan umat. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis Wasail al-Tarbiyah dalam kitab Majmu'at al-Rasail yang merupakan karyanya yang agung. Beliau telah mempersempahkan kepada umat ini wasilah dakwah berbentuk tarbiyah dalam kitab agungnya itu yang terhimpun di dalamnya pelbagai khazanah pembangunan insan yang menjadi pegangan umat sampai ke hari ini agar terselamat dari tipu daya musuh Islam. Metodologi kajian ini adalah kajian kepustakaan iaitu dengan menggunakan kaedah mengumpul dan mendapatkan data serta kaedah analisis data melalui sumber primer dan sekunder yang menyokong secara padu. Hasil dapatan kajian adalah berpaksikan kepada konsep pembangunan insan menurut Islam yang terdapat pada hadith-hadith Rasulullah s.a.w., karya sarjana Islam terdahulu daripada Hasan al-Banna seperti Imam al-Ghazali, Ibn Qaiyim al-Jauziyyah dan Syeikh Muhammad Abduh yang telah merintis jalan pembangunan insan sekali gus merupakan inspirasi ke arah itu. Justeru, hasil kajian ini adalah diharapkan dapat menampung keperluan semasa yang membabitkan persoalan yang telah dilontarkan pada ketika umat ini berada dalam dilema akibat kurang menggarap ilmu-ilmu agama yang menyebabkan mereka terombang-ambing dalam dunia yang serba moden dan maju yang melampau.*

**Kata Kunci:** Pembangunan Insan, Hasan al-Banna, Majmu'at al-Rasail, Wasail al-Tarbiyah, Keagamaan

## **Abstract**

*Hasan al-Banna has put the effort to bring the true light of Islam with various approaches, uslub and style to address the phenomenon through his work for the mission to rescue ummah. The objective of this study is to analyze Wasail al-Tarbiyah (the method of training) in the book of Majmu'at al-Rasail which is his greatest masterpiece. The methodology of this study is by adopting library research as a method of collecting and obtaining data, supported by methods of data analysis through primary and secondary sources for additional supports. The finding is based on the concept of human development according to Islam supported by the hadith of the Prophet, interpretation by Muslim scholars before Hasan al-Banna such as Imam al-Ghazali, Ibn Qaiyim al-Jauziyyah and Muhammad Abduh who have paved the way for human development and provide inspiration in that direction. Thus, the results of this study meet the current needs which involve matters that have been raised and need to be addressed in our modern time by adopting religious knowledge that can protect people from the problems in this modern world.*

**Keywords:** Human Development, Hasan al-Banna, Majmu'at al-Rasail, Wasail al-Tarbiyah, Religiosity

## **Pendahuluan**

Pembangunan Insan adalah menjadi kemestian kepada setiap muslim sepetimana kemestian mereka menggarap ilmu pengetahuan yang disaran oleh Islam. Namun usaha ke arah mencapai matlamat pembangunan insan itu menjadi agenda berterusan yang boleh dicapai dalam pelbagai bentuk kaedah, sama ada melalui program motivasi, khutbah, ceramah, forum, media massa dan penulisan. Kajian ini lebih memfokuskan aspek penulisan

\* Fakhrul Adabi Abdul Kadir, Ph.D, adalah Pensyarah Kanan, Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: fakhruladabi@um.edu.my

\*\* Yusmini Md. Yusuff, Ph.D, adalah Pensyarah Kanan dan Ketua Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia. Email: yusmini@um.edu.my

\*\*\* Zainudin Hashim adalah mantan Pensyarah Jabatan Bahasa al-Quran, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (IIUM) dan sekarang merupakan calon ijazah kedoktoran di Jabatan Dakwah dan Pembangunan Insan, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, Malaysia.

yang dikenal pasti salah satu daripada kaedah yang boleh membangun insan terutama golongan pembaca dan pengkaji. Sesungguhnya aspek penulisan dapat menyatakan keinginannya untuk memberitahu, mendidik, membujuk dan menghiburkan khalayak pembaca. Pada masa yang sama, dengan penulisan ia dapat menghubungkan (ide-ide) penulis dengan karyanya kepada pembaca.<sup>1</sup> Keempat-empat faktor di atas diyakini amat penting bagi merealisasi matlamat pembangunan insan setelah pembaca menilai segenap maklumat yang terkandung dalam isi kandungan yang disampaikan oleh penulis, kerana setiap faktor berkenaan mampu untuk menjadikan golongan pembaca bertekad untuk berubah ke arah keadaan yang lebih baik lagi.

Penulisan juga termasuk dalam himpunan media massa cetak yang dianggap penting dalam dakwah dan pembangunan insan, melalui tulisan usaha menyampaikan mesej Islam dapat dihasilkan dan disebarluaskan kepada khalayak bagi menyalurkan kefahaman dakwah kepada pembaca. Dengan itu, pembaca akan mendapat maklumat berhubung Islam, seterusnya dapat memberikan kefahaman yang jelas terhadap sesuatu isu yang dibincangkan.

Di Malaysia, kebanyakan tulisan bermesejkan dakwah dapat diperoleh dalam bentuk buku, majalah, buletin, risalah dan sebagainya. Penulisan dakwah di Malaysia juga menampilkan pelbagai gaya dan retorik pembujukan yang mampu menambat hati dan mempengaruhi emosi pembaca. Metod penulisan dakwah di Malaysia juga berlaku dalam dua bentuk, iaitu penulisan dakwah secara ilmiah dan penulisan dakwah secara kreatif.<sup>2</sup>

Penulisan bukan hanya dikenali ramai pada era moden atau zaman Sains & Teknologi yang serba canggih, malah ia telah dikenali dan diguna pakai sejak zaman keemasan awal dengan terutusnya baginda Nabi Muhammad s.a.w. sebagai nabi dan rasul terakhir. Bahkan juga penulisan telah tersebar di zaman keemasan Islam pimpinan Rasulullah s.a.w. dengan begitu meluas sekali termasuk di zaman jahiliah. Buktinya apabila al-Quran sendiri menganjurkan aspek pembelajaran merangkumi bacaan, tulisan dan ejaan melalui ayat pertama yang diturunkan dalam al-Quran iaitu konsep ‘Iqra’.

Maka lahirlah selepas itu mereka yang bergelar guru, penulis dan pembaca, wahyu al-Quran itu sendiri amat memerlukan kepada golongan para penulis. Begitu juga dalam urusan rasmi ‘Negara Islam Pertama’ pimpinan baginda s.a.w. di Madinah, malah sabit dalam sejarah bahawa Rasulullah s.a.w. memiliki 40 penulis wahyu dan penulis beberapa disiplin ilmu lain seperti periyawatan hadith, muamalat, bab hutang, bab sedekah, penulis surat rasmi dalam pelbagai bahasa dunia (untuk diserahkan kepada pembesar-pembesar negara ketika itu).

Aspek penulisan semakin berkembang pesat dengan tersebarnya para Sahabat Nabi yang mengembara ke beberapa pelusuk dunia bertujuan untuk menyebarkan Islam. Keberadaan para sahabat di situ telah memperbanyakkan konsep pembelajaran di masjid-masjid hingga Islam diterima dengan baik oleh masyarakat dunia ketika itu melalui penulisan-penulisan dalam bentuk risalah-risalah kecil yang diagihkan kepada umum.<sup>3</sup>

### Konsep Pembangunan Insan Menurut Islam

Berpaksikan hadith Rasulullah s.a.w. seperti dalam sabda baginda:

سنن الترمذى 2251 حديث رواه أبو كريب حدثنا زيد بن حباب عن معاوية بن صالح عن عمرو بن قيس عن عبد الله بن يسران أعرابيا قال يا رسول الله من هير الناس قال من طال عمره وحسن عمله. وفي الباب عن أبي هريرة وجابر قال أبو عيسى خذ حديث حسن غريب من هذا الوجه

Sunan Tirmidzi 2251: Telah menceritakan kepada kami Abu Kuraib telah menceritakan kepada kami Zaid bin Hubab dari Mu'awiyah bin Shalih dari 'Amru bin Qais dari 'Abdullah bin Busr, seorang badui bertanya: Wahai Rasulullah, siapa orang terbaik itu? Rasulullah Sallallahu 'alaihi wa Salam menjawab: "Orang yang panjang umurnya dan baik amalnya." Dalam hal ini ada hadits serupa dari Abu Hurairah dan Jabir. Berkata Abu Isa: Hadith ini hasan gharib melalui jalur sanad ini.<sup>4</sup>

<sup>1</sup> Mus Chairil Samani, *Penulisan Rencana Berkesan* (Kuala Lumpur : Dewan Bahasa & Pustaka, 1997), h. 4-5

<sup>2</sup> Ab. Aziz Mohd Zin, et al., *Dakwah Islam di Malaysia* (Kuala Lumpur : Penerbitan Universiti Malaya, 2006), hal. 39

<sup>3</sup> Muhammad 'Ajaj al-Khatib, *Lamhat fî al-Maktabah wa al-Bahth wa al-Masodir* (Beirut : Muassasat al-Risalah 1983), hal. 31-32.

<sup>4</sup> Maktabah Syamilah & Saltanera, *Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam*, Lidwa Pustaka, 2010 -2011, Takhrij Hadis: Sunan Tirmidzi, Kitab Bab Zuhud, 2251

قال رسول الله صلى الله عليه وسلم : خير الناس أفعىهم للناس. رواه القضايع عن جابر حديث حسن

Terjemahan : “Sebaik-baik manusia adalah orang yang bermanfaat untuk orang lain.” Hadith riwayat al-Qoda’ie daripada Jabir.<sup>5</sup>

سنن أبي داود حدثنا أحمد بن حنبل حدثنا يحيى بن سعيد عن محمد بن عمرو عن أبي سلمة عن أبي هريرة قال قال  
رسول الله صلى الله عليه وسلم أكمل المؤمنين إيماناً أحسنهم خلقاً

Terjemahan dari Sunan Abu Daud 4062: Telah menceritakan kepada kami Ahmad bin Hanbal berkata, telah menceritakan kepada kami Yahya bin Sa'id dari Muhammad bin Amru dari Abu Salamah dari Abu Hurairah ia berkata, "Rasulullah sallallahu 'alaihi wasallam bersabda: "Kaum mukminin yang paling baik imannya adalah yang paling baik akhlaknya."<sup>6</sup>

Muhammad al-Bahi menegaskan, bahawa Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad s.a.w. dengan melakukan penghijrahan ke kota Madinah adalah untuk melakukan proses pembangunan insan dengan segala bentuk kemajuan, perkembangan yang produktif untuk menuju kepada satu keadaan yang lebih baik dari sebelumnya yang tidak dapat dilakukannya ketika berada di Mekkah, baginda berjaya melakukannya menerusi dua pendekatan utama;

1. Mensucikan manusia dari sebarang bentuk kesyirikan dengan penyembahan berhala, membangun mereka dari sikap jahiliyyah kepada Islam yang menganjur agar insan berilmu (dalam segenap disiplin ilmu), membangun mereka menuju tahap manusawi yang hakiki sebagai hamba Allah SWT.
2. Membangun manusia dengan menyelamatkan mereka dalam kegelapan hidup selain Islam menerusi ‘Tamatunnnya’ yang mendidik insan agar memiliki prinsip yang jelas dengan Islam meliputi akhlak, ekonomi, politik, sistem hidup yang menghubungkan manusia dengan Allah dan sesama manusia berpaksikan acuan agama Allah yang termeterai dalam ayat 103 surah ~Ali ‘Imran yang bermaksud : “Dan berpegang teguhlah kamu sekalian kepada tali Allah (agama Islam).”<sup>7</sup>

Menurut Al-Attas, seperti yang dipetik oleh Ahmad Bazli, insan yang baik adalah manusia yang insaf akan tanggungjawab dirinya kepada Tuhan Yang Hak, iaitu manusia yang memahami serta menyelenggarakan penunaian keadilan terhadap dirinya dan diri-diri lain dalam masyarakatnya; manusia yang dalam serba-serbi tingkah-lakunya sentiasa mengasuh dirinya menuju ke arah kesempurnaan sebagai insan beradab tinggi.<sup>8</sup>

Islam amat mengambil berat keberadaan insan di muka bumi ini, setelah Nabi Adam a.s. dikeluarkan dari syurga dan diarah turun ke bumi (dunia ini) untuk menjadi khalifah dengan mengurus tadbir bumi dengan segenap kehendak Allah SWT yang berpaksikan kebenaran Islam yang dibawa oleh Adam a.s. hingga kepada Nabi Muhammad s.a.w. Sesungguhnya pertembungan antara hak dan batil telah menjadi resam kehidupan manusawi di bumi/dunia ini, ia bermula dengan peristiwa keengganan Iblis untuk sujud kepada Adam atas perintah Allah SWT, begitu juga pertembungan antara Habil dan Qabil hingga membawa kepada pertumpahan darah dan kematian. Memang hakikat insan cenderung kepada kejahatan.

Tetapi ia bukan bermakna insan itu tidak boleh dibangun dengan unsur-unsur kebaikan, pembangunan, kebangkitan, kemajuan, perkembangan dan sebagainya. Insan seperti yang telah dijelaskan mempunyai potensi untuk dibangun. Insan walaupun sentiasa dibelenggu dengan pelbagai masalah akibat dari pengaruh persekitaran, tetapi yang penting kita mampu bangunkan insan hingga mampu mencipta sejarahnya tersendiri bagi menggapai masa depan yang gemilang melalui penggarapan ilmu, berusaha untuk berdaya saing, berakhlak mulia dalam segenap keadaan dengan tuntutan agama.<sup>9</sup>

<sup>5</sup> Al-‘Allamah Al-Munawi, *Faid al-Qodir* (Beirut : Dar al-Ma’rifah, 1972), h. 480-481

<sup>6</sup> Maktabah Syamilah & Saltanera, Ensiklopedia Hadits Kitab 9 Imam, Lidwa Pustaka, 2010 -2011, Takhrij Hadis : Sunan Abu Daud, Kitab Bab Sunnah, 4062

<sup>7</sup> Muhammad al-Bahi, *Al-Quran wa al-Mujtama'* (Maktabah Wahbah, 1986), h. 59-60.

<sup>8</sup> Ahmad Bazli Shafie, *Pembangunan Insan Baik – Pengurusan Skema Martabat Ilmu Dalam Islam dalam buku Modul Insan dan Pembangunan masa Kini*. ed.: Asyraf Hj. Abdul Rahman, Fadzli Adam, Syahrin Said dan Ruzaini Sulaiman (Terengganu : Fakulti Pengurusan & Ekonomi, Kolej Universiti Sains & Teknologi Malaysia KUSTEM), h. 43.

<sup>9</sup> Malek Bennabi, *Syurut al-Nahdah*, terj. ‘Abd Sobur Syahin (Damsyiq : Dar al-Fikr, 1985), h. 75

Apabila kita (umat Islam seluruhnya) kembali mengguna-pakai manhaj Islam (al-Quran, as-Sunnah dan Sirah Nabawiyyah) dalam segenap kegiatan kehidupan, maka tidak mustahil insan-insan yang berada di sekeliling kita akan dapat dibangun dengan jayanya, mampu mengelakkan mereka daripada terjebak dalam kemaksiatan, ini kerana kita tidak perlu menunggu lama untuk mewujudkan sebuah Negara Islam untuk berbuat demikian seperti Negara Islam pertama di kota Madinah, undang-undang Allah yang termeterai dalam agama Islam mampu dilaksanakan, al-Quran telah membongkar persoalan itu apabila mengajak insan seluruhnya di peringkat Mekkah lagi agar menjauhi perbuatan yang boleh jatuh pada zina, seperti yang ditegaskan Allah menerusi ayat :

وَلَا تَقْرُبُوا الرِّنَاثَ إِنَّهُ كَانَ فَاحِشَةً وَسَاءَ سَبِيلًا

Maksudnya : “*Dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan satu jalan yang jahat (yang membawa kerosakan).*” Al-Isra’, 17: 32

Dalam mentafsirkan ayat di atas yang merupakan salah satu ayat yang terkandung dalam surah al-Isra’, Saiyid Qutb<sup>10</sup> menjelaskan bahawa surah ini diturunkan di Mekkah, kerana ia dimulai dengan bertasbih dan disudahi dengan puji-pujian terhadap Allah yang merupakan antara ciri surah Makkiyyah, apatah lagi isi kandungan surah ini majoritinya membicarakan tentang persoalan aqidah dan beberapa perkara yang berkaitan dengan tindak-tanduk individu dan masyarakat yang berpaksikan kepada elemen aqidah.

Walaupun di peringkat Mekkah, Islam masih belum menyerlah dengan kewujudan sebuah Negara Islam, namun larangan daripada terjebak pada jenayah zina telah diwartakan, dan ia telah diimplementasikan di Madinah setelah terbentuknya Negara Islam pertama. Ini kerana Islam yang menjadi sandaran kepada Negara Islam itu diangkat sebagai satu sistem yang lengkap dan praktikal.<sup>11</sup> Dalam hal ini kita harus sepakat, bahawa kita semua mahukan diri kita untuk dibangunkan, malah buat generasi yang sedang berkembang di hadapan kita, dan generasi yang akan datang serta bagi umat-umat lain.

Kita diamanahkan oleh Allah SWT agar mengajak insan-insan seluruhnya kepada apa yang telah Allah SWT anugerahkan kepada kita, iaitu hidayah dan agama yang benar. Namun hal ini akan lebih bermanfaat dan membawa hasil jika kita mempunyai pemahaman dan pemikiran yang benar terhadap Islam. Pemahaman yang benar juga adalah asas bagi meraih kejayaan sesuatu usaha untuk dibangunkan.<sup>12</sup>

Generasi hari ini tidak akan mampu dibangunkan tanpa merujuk kepada kehebatan sejarah generasi silam terutama kalangan para sahabat Nabi , tabi'in dan seterusnya selepas mereka yang meletakkan Islam sebagai manhaj hidup untuk berjaya. Tanpa Islam, insan hebat tidak akan muncul di dunia dan tidak akan terbentuk insan superior. Ini kerana Islam adalah jantung yang bertindak sebagai cara hidup dalam kehidupan insan.

Islam bukan sahaja memenuhi fitrah manusia, bahkan Islam juga penuh dengan sifat kesempurnaan. Ajarannya yang komprehensif sentiasa hadir dalam semua kegiatan termasuk sewaktu kita tidur, makan dan minum, ke tandas, bermain, bermesyuarat, bercinta, berhibur, dan banyak lagi seperti yang ditegaskan Allah menerusi ayat 3 dari surah al-Maa'idah yang bermaksud : “*Pada hari ini, Aku sempurnakan untuk kamu agamamu, dan Aku cukupkan kepadamu nikmat-Ku, dan Aku reda Islam itu menjadi agama bagimu.*”<sup>13</sup>

Islam adalah agama yang serba sempurna kerana bersumberkan dari Yang Maha Sempurna yang amat sesuai dengan hakikat kewujudan insan yang dibekalkan dengan akal fikiran dan naluri yang jernih. Justeru insan amat perlu membuat satu perubahan diri untuk membangun dirinya ke arah kesempurnaan dengan membebas dan menanggalkan segenap hubungan dengan tekanan falsafah hidup serta pemikiran yang tiada hubungan dengan Islam yang tidak mampu untuk membangun manusia.<sup>14</sup>

Mengenai pembangunan insan, fakta ada menyebut bahawa seruan al-Quran agar insan melakukan perubahan seterusnya membangun diri mereka ke arah yang lebih baik adalah menjadi keutamaan dan kewajipan seseorang insan terutama yang bernama muslim, justeru Allah SWT menegaskan dalam ayat :

<sup>10</sup> Saiyid Qutb, *Fi Zilal al-Quran* (Qaherah : Dar al-Syuruq, 1982), 4 : 2208

<sup>11</sup> Ahmad Faez, *Dustur al-Usrat fi Zilal al-Quran* (Beirut : Muassasat al-Risalah, 1985), h. 274-275

<sup>12</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Sanggahan Salah Tafsiran Islam*, terj. (Kajang : Synergymate Sdn. Bhd, 2004), h.5

<sup>13</sup> Muhammad Akhmal Hakim, *8 Kecerdasan Membentuk Muslim Superior* (PTS Millennia Sdn. Bhd, 2014), h. 1-3.

<sup>14</sup> Abd al-Halim Uwais, *Al-Islam kama Yanbaghi An Nu'min bihi* (Qaherah : Dar as-Sohwah, 1985), h. 12

إِنَّ اللَّهَ لَا يُغَيِّرُ مَا بِقَوْمٍ حَتَّىٰ يُغَيِّرُوا مَا بِأَنفُسِهِمْ

Maksudnya : “Sesungguhnya Allah tidak mengubah apa yang ada pada sesuatu kaum sehingga mereka mengubah apa yang ada pada diri mereka sendiri.” Ar-Ra’d, 13 : 11

Menurut Saiyid Qutb, Memang Allah SWT tidak akan ubah apa-apa keadaan yang ada pada diri seseorang individu itu, sama ada yang baik, buruk, jahat, hina, kemuliaan seseorang, kedudukan dan lain-lain melainkan individu manusia itu yang lakukan perubahan pada diri sendiri berdasarkan cita rasa, usaha dan reality hidup mereka, pada ketika itu baharulah Allah akan lakukan perubahan berdasarkan apa yang terbukti dalam diri dan sanubari mereka.<sup>15</sup> Justeru melalui kajian ini, aspek dan konsep pembangunan insan berdasarkan perspektif Islam membawa maksud, usaha pembangunan yang dilakukan oleh manusia terhadap diri manusia secara menyeluruh, untuk berubah kepada satu keadaan yang baik, dan untuk mengekalkan satu keadaan yang lebih baik. Usaha tersebut mesti dilaksanakan mengikut panduan yang ditunjukkan dalam ajaran Islam dan tidak boleh menyimpang daripada ajaran Islam itu sendiri.

### **Hasan Al-Banna**

Hasan al-Banna telah dilahirkan di kampung al-Mahmudiyyah (sesetengah pendapat mengatakan di kampung Syamsyirah) dalam daerah Fuh di wilayah Kafr as-Syeikh (ada yang mengatakan dalam wilayah al-Buhairah), pada 17 Oktober 1906M bersamaan bulan Sya’ban tahun 1323H).<sup>16</sup> Ia terletak kira-kira 90 kilometer dari bandar Qaherah. Ayahnya Syeikh Ahmad bin ‘Abd ar-Rahman bin Muhammad al-Banna al-Sa’ati (nisbah kepada pemilik kedai jam terkenal di kampungnya). Hasan al-Banna berada dalam persekitaran keluarga yang beramal dengan Islam, cinta kepada ajaran agama yang cukup mendalam dengan berkat kegigihan ayahnya sebagai seorang ulama’ yang amat menjaga adab-adab Islam seperti yang terkandung dalam al-Quran dan ajaran Sunnah Rasulullah s.a.w.<sup>17</sup> Hasan al-Banna dalam usaha dakwahnya itu telah mendapat dua keuntungan, pertama beliau dapat membina keyakinan diri sendiri dan kedua dapat mengkaji sifat, tabiat manusia dan pemikiran orang awam untuk dibangunkan.<sup>18</sup>

### **Hasan Al-Banna dan Pembangunan Insan dalam Pembentukan Ikhwan Muslimun**

Minat yang mendalam untuk meneruskan perjuangan Islam melalui dakwah dan pembangunan insan, adalah menjadi cita-cita Hasan al-Banna sejak menjekakkan kaki di Fakulti Dar al-‘Ulum lagi setelah memperdalam ilmu-ilmu Syari’ah Islam dan Usul al-Din di peringkat menengah, ini disebabkan kerana kebanyakan warga Mesir tidak lagi berpegang teguh kepada ajaran Islam sebenar ketika itu termasuklah pimpinan negara. Pada bulan Zulqaedah 1347H bersamaan Mac 1928M, Gerakan al-Ikhwan al-Muslimun telah ditubuhkan di rumah pengasasnya iaitu Hasan al-Banna di Isma’iliyyah, setelah berbincang dengan enam orang. Mereka terdiri daripada Hafiz ‘Abd al-Hamid, Ahmad al-Hasari, Fuad Ibrahim, ‘Abd al-Rahman Hasb Allah, Ismai’il ‘Iz dan Zaki al-Maghribi yang pernah didekati oleh beliau dalam pertemuan sebelum ini dan akhirnya bersetuju untuk mendampingi dan mengikutinya dalam arena dakwah. Kesemua tujuh individu berbai’ah untuk hidup sebagai saudara yang bekerja untuk Islam dan berjuang pada jalannya.<sup>19</sup>

Hasan al-Banna dalam usaha dakwahnya itu telah mendapat dua keuntungan, pertama beliau dapat membina keyakinan diri sendiri dan kedua dapat mengkaji sifat, tabiat manusia dan pemikiran orang awam untuk dibangunkan.<sup>20</sup> Tertubuhnya gerakan al-Ikhwan al-Muslimin ini amat dinanti-nanti oleh segenap individu muslim yang cintakan agamanya agar aspek dakwah dan aspek pembangunan insan dapat dilakukan, lebih-lebih lagi ketika rakyat Mesir bergelumang dengan pegangan yang tidak selari dengan Islam.<sup>21</sup>

Gerakan al-Ikhwan al-Muslimun mempunyai ciri-ciri keistimewaan sebagai sebuah gerakan Islam terulung abad ini, iaitu melihat Islam sebagai agama yang syumul, menyeru ummah untuk berpadu dan bersatu tanpa berpecah-belah hingga menjadi lemah melalui pendekatan usul 20 dan menitik berat persoalan pembangunan menyeluruh terhadap minda, roh dan persaudaraan sesama anggota jamaah. Ia benar-benar berhasil hingga

<sup>15</sup> Saiyid Qutb, *Fi Zilal al-Quran* (Qaherah : Dar al-Syuruq, 1982) 4 : 2048

<sup>16</sup> Fathi Yakan, *Manhajiah al-Syahid Hasan al-Banna wa Madaris al-Ikhwan al-Muslimin* (Beirut : Muassasat al-Risalah, 1998), h 12.

<sup>17</sup> Anwar al-Jundi, *Hasan al-Banna – Al-Dai’ah al-Imam wa Al-Mujaddid al-Syahid* (Damsyiq – Dar al-Qalam, 2000), h 19.

<sup>18</sup> Wan Jafree bin Wan Sulaiman, *Detik-Detik Hidupku...Hasan al-Banna* (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1980), hal. 39

<sup>19</sup> Hussain b. Muhammad b. Ali Jaber, *Al-Toriq ila Jama’at al-Muslimin* (Mansourah, Mesir : Dar al-Wafa’, 1987), h. 315.

<sup>20</sup> Wan Jaffree b. Wan Sulaiman, *Detik-detik Hidupku...Hasan al-Banna* (Kuala Lumpur : Pustaka Salam, 1980), h. 39

<sup>21</sup> Muhammad Amin Hasan, *Khosois al-Da’wah al-Islamiah* (Amman : Maktabah al-Manar, 1983), h. 15-16

jamaah mampu membangun cara berfikir, perasaan, meningkatkan usaha, tarbiyah, pembangunan insan, jihad, pembangunan ekonomi dan khidmat masyarakat.<sup>22</sup>

## Kitab Majmu'at Al-Rasail

Kitab 'Majmu'at al-Rasail'<sup>23</sup> dipilih dalam kajian ini adalah untuk mengupas mengenai agenda pembangunan insan menurut pandangan Hasan al-Banna yang ditujukan kepada para belia agar mereka menjadi;

1. Individu muslim/muslimah yang jelas dari sudut pemikiran dan aqidahnya, ini termasuk kejernihan emosi dan segenap tindakan dalam kehidupan.
2. Mampu mencipta sebuah rumahtangga muslim dari sudut pegangan, aqidah, pemikiran hingga melahirkan pasangan suami isteri yang saling dapat membantu antara satu sama lain dalam melayari bahtera rumahtangga yang bersifat Islamik.
3. Membentuk masyarakat yang juga bersifat Islamik setelah membentuk individu-individu menjadi anggota masyarakat yang bertanggungjawab mengembalikan kemuliaan Islam melalui pendekatan Islam di desa-desa, bandar-bandar, pusat-pusat kegiatan masyarakat dan sebagainya.<sup>24</sup>

Ia merupakan kesinambungan daripada luahan dan harapan Hasan al-Banna yang ingin melihat para belia memiliki dalam diri mereka 4 faktor penting; iaitu insan yang kental jati diri, penuh keikhlasan yang jitu, keberanian dan semangat juang yang tinggi (hadapi cabaran) dan mampu bekerja (beramal) menurut kemampuan fizikal mereka.<sup>25</sup> Secara umum kitab Majmu'at al-Rasail lebih kepada himpunan risalah-risalah Hasan al-Banna yang bersifat membangun manusawi sama ada dari sudut cara berfikir, berpolitik, pembentukan rumah tangga, pentadbiran negara, kerana ia bermula dengan membangun individu-individu dalam segenap latar belakang kehidupan, iaitu individu Muslim/Muslimah yang meletakkan kepentingan agama lebih penting daripada segala-galanya. Kitab Majmu'at al-Rasail merupakan cebisan catatan hidup Hasan al-Banna dalam meneroka tugas berdakwah ke jalan Islam yang boleh dibahagikan kepada tiga kategori, iaitu;

1. Himpunan risalah dakwahnya secara bertulis
2. Himpunan risalah yang ditujukan kepada masyarakat umum
3. Himpunan risalah pembentukan peribadi secara khusus.<sup>26</sup>

<sup>22</sup> Yusuf al-Qaradawi, *Al-Ikhwan al-Muslimun 70 'Am fi al-Da'wah wa al-Tarbiyah* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1999), h. 12-13.

<sup>23</sup>Pengkaji berpandangan, bahawa Kitab Majmu'at al-Rasail Hasan al-Banna tidak sekadar sebuah karya, akan tetapi ia merupakan sebuah tulisan ilmiah yang amat bermutu tinggi yang mempunyai nilai tamadun khususnya dalam membangun insan, institusi rumah tangga, masyarakat dan negara yang didambakan oleh al-Quran. Kerana karya di atas bersifat memberi kesan kepada warisan khazanah ilmu khusus terhadap perkembangan ilmu dan tamadun di perpustakaan atau pusat sumber, sepertimana penerimaan masyarakat Islam terhadap hasil karya Syeikh Dr. Yusuf al-Qaradawi dalam pelbagai disiplin ilmu dan tokoh-tokoh yang lain. Kitab Majmu'at al-Rasail menjadi rujukan kepada pengamal gerakan Islam dari dahulu hingga ke hari ini kerana ia menyentuh aspek tarbiyah membangun insan dengan aqidah yang sejahtera dari sebarang penyelewengan dan syirik, bukan sekadar mengingat pembaca mengenai persiapan hidup di dunia semata-mata, malah persiapan mantap buat bekalan hari akhirat dengan alunan zikir, wirid, pembacaan al-Quran menerusi amalan al-Ma'thurat, menyediakan wadah (platform) untuk membina cara berfikir yang berwawasan jauh dengan sistem usrah yang membahaskan ilmu-ilmu teras Islam seperti Fiqh, Aqidah, Sirah Nabawiyyah, Tafsir, Hadith dan lain-lain agar peserta dapat menajamkan daya fikir sekali gus prihatin kepada keadaan semasa. Kitab ini juga antara lain menyentuh aspek perundangan di mana selepas kejatuhan Negara Islam 'Uthmaniyyah di Turki tiada lagi negara umat Islam yang mengamalkan sistem pemerintahan secara Islam, lebih malang lagi realiti negara umat Islam seperti Mesir dan lain-lain menerima pakai sistem Sekularisme, kapitalisme, Sosialisme, Nasionalisme dan lain-lain, hingga sistem perundangan islam hanya tinggal di dalam al-Quran, hadith-hadith dan tulisan para sarjana Islam. Kitab ini juga mengajak umat Islam di mana dan bagaimana untuk meletakkan posisi diri dalam kelompok umat, sama ada mukmin, orang yang ragu-ragu, golongan opportunis atau berkecuali. Justeru, kitab ini perlu dibongkar isi kandungannya bertujuan untuk melakukan satu anjakan paradigma ke arah satu hala tuju hidup yang jelas dengan ajaran Islam. Jadi tidak hairan jika Kitab Majmu'at al-Rasail yang sinonim dengan Hasan al-Banna mendapat tempat di hati para tokoh sarjana Islam yang haraki dengan dibuat ulasan mendalam secara ilmiah seperti Syeikh Abu al-Hasan an-Nadwi (India), Fathi Yakan, Dr (Lubnan), Yusuf al-Qaradawi, Syeikh Dr (Mesir), muhammad al-Ghazali, Syeikh (Mesir), Al-Bahi al-Khaul (Mesir), Saiyid Sabiq, Syeikh (Mesir), Anwar al-Jundi, Dr (Mesir), Muhammad Qutb (Mesir), kesemua al-Mursyid al-'Am al-Ikhwan al-Muslimun yang terdiri daripada Hasan al-Hudaibi, 'Umar al-Tilmasani, Muhammad Hamid Abu al-Nasr, Mustafa Masyhur, Ma'mun al-Hudaibi, Mehdi 'Akef dan Dr, Muhammad al-Badi', Dr, Jumaah Amin 'Abd al-'Aziz (Mesir), Sa'id Hawwa (Syria), Mustafa az-Zarqa', Dr (Syria), 'Abd Allah Nasih 'Ulwan, Dr (Syria), Mustafa as-Siba'ie, Dr (Syria), Munir Muhammad al-Ghadban (Syria), Hasan al-Turabi, Dr (Sudan), Ahmad Yasin, Syeikh (Palestin), Rashid Ganushi (Tunisia), Muhammad Mahmud as-Sowaf (Iraq), 'Abd al-Karim Zaidan, Dr (Iraq), 'Abd al-Majid al-Zindani (Yaman) dan lain-lain. Sesungguhnya Kitab Majmu'at al-Rasail mempunyai pengaruh yang cukup besar di Malaysia seperti yang umum ketahui melalui Risalah Usrah yang diterjemahkan secara praktikal dalam parti politik Islam seperti PAS, badan bukan kerajaan dan pertubuhan Islam seperti ABIM, IKRAM dahulu dikenali sebagai JIM serta diamalkan di peringkat sekolah menengah, universiti, malah di sesetengah jabatan kerajaan dan swasta. Tidak cukup dengan itu ia memberi kesan kepada gerakan-gerakan Islam seluruh dunia.

<sup>24</sup> Hasan al-Banna, *Majmu'at al-Rasail* (Dar al-Syihab, 1949), h 85

<sup>25</sup> Ibid h. 81

<sup>26</sup> Dr. Jaber Qamihah, *Al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna – Al-Siham al-Sauda' wa 'Ato al-Rasail* (Qaherah : Dar al-Tawzi' wa al-Nasir al-Islamiyyah, 1998), hal. 110.

Sesungguhnya kekuatan Hasan al-Banna ada dalam segenap risalah yang dianggap sebagai kesusasteraan yang tersohor pada dirinya. Ia benar-benar menyerlahkan pemikirannya yang jitu bertepatan dengan tuntutan masyarakat di zamannya, ia terbahagi kepada tiga jenis risalah yang masing-masing yang termuat dalam Kitab Majmu'at al-Rasail.

Pertama : Risalah dalam bentuk rencana Hasan al-Banna seperti Baina al-Ams wa al-Yaum yang pernah tersiar dalam akhbar ‘Al-Ikhwan al-Muslimun’ dimulai dari bilangan 4 terbitan bulan Safar 1353H. Risalah Hal Nahnu Qaumun ‘Amaliyyun juga diterbitkan dalam akhbar yang sama bilangan 14 pada 28 Rabi’ul Awwal 1353H yang kemudiannya disusuli bilangan 15 hingga 27.

Kedua : Risalah yang dihimpun daripada ceramah serta khutbah Hasan al-Banna seperti Risalah Ila al-Syabab, Tahta Rayat al-Islam, iaitu teks khutbah yang disampaikan oleh Hasan al-Banna di hadapan lautan manusia dalam kalangan pendukung al-Ikhwan al-Muslimun di Dar al-Ikhwan, Qaherah pada 14 Safar 1358H bersamaan 4 April 1939M.

- Risalah al-Muktamar al-Khomis yang disampaikan pada 13 Zulhijjah 1357H.
- Risalah Ila al-Tullab yang disampaikan dalam muktamar al-Ikhwan pada 1357H.
- Risalah Muktamar al-sadis yang disampaikan dalam Muktamar keenam pada 1941H.

Ketiga : Risalah Nahwa al-Nur yang ditujukan kepada golongan yang dikenali sahaja.

Keempat: Risalah yang disusun khas untuk dimuatkan dalam Kitab Majmu'at al-Rasail seperti di bawah ini;

- Risalah Dakwatuna
- Risalah Ila Aiyyi Syaiin Nad'u al-Nas
- Risalah Dakwatuna fi Tawr Jadid
- Risalah Musykilatuna fi Daw' al-Nizam al-Islami. (Risalah ini dituju dan disampaikan kepada Ketua Negara Mesir yang merupakan badan amanah terhadap rakyat, ia merangkumi para anggota Dewan Rakyat yang terdiri daripada penyokong kerajaan dan pembangkang yang berfungsi sebagai pengamal sistem pentadbiran Islam, tidak terkecuali para pembesar serta parti-parti politik dan kemasyarakatan yang merupakan pembela rakyat, malah ia juga ditujukan kepada semua pencinta kebaikan buat umat ini.
- Risalah Musykilatuna al-Dakhiliyyah fi Daw' al-Nizam al-Islami wa al-Nizam al-Hukm.
- Risalah Musyklilatuna al-Dakhiliyyah fi Daw' al-Nizam al-Islami al-Iqtisodi.
- Risalah al-Jihad.
- Risalah al-Mar'ah al-Muslimah.
- Risalah al-Ta'lum.
- Risalah Nizam al-Usar.
- Risalah al-'Aqoid.
- Risalah al-Ma'thurat.<sup>27</sup>

Dari apa yang dilontarkan melalui penjelasan risalah-risalah yang termuat dalam Kitab Majmu'at al-Rasail di atas, pengkaji begitu yakin bahawa matlamat utama Hasan al-Banna dalam semua penulisannya adalah untuk menyelamatkan individu muslim, rumah tangga atau keluarga muslim, masyarakat serta negara muslim melalui satu perencanaan berkala lagi tersusun rapi untuk mencapai tujuan pembangunan insan. Ini kerana bermula dengan individu sampailah ke peringkat negara, selagi mana terdapat di dalamnya makhluk bernama manusia muslim, mereka menjadi sasaran musuh untuk dimusnahkan pegangan serta jati diri mereka dengan Islam, terutama mereka yang menghuni negara-negara Afrika Utara seperti Mesir, Libya, Tunisia, Algeria dan Maghribi (Morocco) yang majoriti dihuni oleh individu-individu muslim dari peringkat bawahan akar umbi hinggalah kepada para pemerintah.

Negara-negara berkenaan menarik minat golongan penjajah untuk menyelinap masuk sekali gus meracuni pemikiran, cara serta gaya hidup, rumah tangga, keluarga, masyarakat serta pemerintah dengan anasir-anasir negatif yang tiada kaitan dengan Islam, usaha itu memang benar-benar berjaya dilaksanakan hingga memperlihatkan umat Arab Islam musnah. Justeru, lahirlah insan yang berjiwa besar seperti Hasan al-Banna yang berusaha gigih untuk mengembalikan kemuliaan Islam menerusi projek pembangunan insan.

---

<sup>27</sup> Dr. Jaber Qamihah, *Al-Malamih al-Fanniyyah wa al-Jamaliyyah fi Adabiyyat al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna* (Qaherah : Dar al-Nasyr li al-Jami'at, 2007), hal. 46-48.

## Wasail Al-Tarbiyah

Wasail adalah kata jama' dari perkataan wasilah, dari segi bahasa, wasilah mempunyai banyak maksud, antaranya bermaksud al-Qurbah iaitu mendekatkan diri kepada yang lain, dari segi istilah pula, juga mempunyai banyak maksud, menurut Imam al-Qurtubi, wasilah bermaksud mendekatkan diri yang mesti seseorang itu melakukannya.<sup>28</sup> Ibnu Kathir berpendapat, wasilah dertiakan sebagai sesuatu yang boleh mendapatkan hasil<sup>29</sup>, al-Razi pula menyebut, wasilah ialah mencapai sesuatu maksud yang dicari<sup>30</sup>, sementara Ibnu al-Athir pula menegaskan, bahawa wasilah mencapai sesuatu maksud yang dicari yang boleh mendekatkan diri<sup>31</sup>. Namun kesemua definisi yang diungkapkan itu boleh dertiakan menurut at-Toher bin 'Asyur sebagai sesuatu yang boleh menyampaikan maksud yang baik kepada Allah serta mendekatkan diri seorang hamba kepada-Nya dengan beramal pada segenap arahan dan perintah Allah serta meninggalkan segenap tegahan dan larangan-Nya<sup>32</sup>. Adapun menurut Ali 'Abd al-Halim Mahmud; Wasilah adalah amalan yang bermaksud menyampaikan matlamah dakwah ke jalan Allah<sup>33</sup>.

Pengkaji berpendapat, bahawa segenap wasilah yang diperkenalkan oleh Hasan al-Banna dalam Kitab Majmu'at al-Rasail adalah untuk menjadikan insan-insan dalam kalangan rakan seperjuangan, tetangga, sanak saudara, malah seluruh kaum Muslimin mereka yang ada hubungan dengan Allah pada ketika ramai dalam kalangan mereka sudah hilang jati diri dengan Islam, terutama masyarakat Mesir yang dilanda wabak Sekularisme<sup>34</sup> melalui penjajahan British yang memang merancang untuk menjadikan umat Islam dan Arab sebagai sasaran untuk dirosakkan atas nama tamadun moden bertujuan untuk merosakkan pemikiran rakyat yang sanggup memisahkan antara agama dengan pentadbiran agama. Diketuai oleh British yang memasuki Mesir sejak 1882H menunggu masa 22 tahun untuk menjadikan Mesir negara yang berdaulat dengan aliran fahaman Sekularisme<sup>35</sup>, ia menjadikan umat Islam walau di mana-manapun sebagai umat yang mundur, yang menjadikan mereka begitu adalah disebabkan kerana faktor jahil, ilmu yang kurang digarap, keruntuhan akhlak yang ketara terutama dalam kalangan pemerintah dan segelintir para ilmuan/sarjana Islam, pengikut tidak berani bertindak ke atas penjajah, rasa putus asa dan tidak yakin mempunyai jati diri dengan Islam dan tidak berbangga dengan kemuliaan yang dicapai oleh mereka yang terdahulu daripada mereka<sup>36</sup>.

Adapun perkataan al-Tarbiyah menurut Hasan al-Banna ialah satu pendekatan unik dalam melakukan diplomasi dengan fitrah manusia (yang menjadi sasaran) secara langsung dengan penggunaan perkataan yang lemah lembut atau tidak langsung menerusi teladan bertepatan dengan manhaj khusus bagi melakukan satu perubahan pada diri insan (sasaran) kepada yang lebih baik<sup>37</sup>. Namun demikian, yang banyak merealisasikan matlamat yang dirancang itu adalah anggota-anggota al-Ikhwan al-Muslimun khususnya dan umat Islam umumnya.

Sesungguhnya risalah-risalah yang dihimpun dan terkandung dalam Majmu'at al-Rasail kesemuanya menjurus kepada elemen pembangunan insan yang menjadi hasrat Hasan al-Banna untuk mengembalikan mereka berpegang kepada ajaran Islam sebenar berpaksikan al-Quran dan al-Sunnah. Justeru, satu mekanisme telah dibuat oleh Hasan al-Banna dengan pelbagai wasilah dalam Majmu'at al-Rasail seperti membangun insan dalam Risalah Ila al-Syabab yang menyeru semua pihak terutama anggota al-Ikhwan al-Muslimun untuk menjadikan diri mereka sebagai individu, rumah tangga, masyarakat serta Negara Islam yang mampu dengan mempraktikkan ajaran Islam, jika itu dapat dilakukan bermakna agenda pembangunan insan lain yang dicetuskan akan dapat direalisasikan.

<sup>28</sup> Al-Qurtubi, *Al-Jami li Akham al-Quran* (Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1387H/1966M), 6 : 159.

<sup>29</sup> Ibn Kathir, *Tafsir al-Quran al-'Azim* (Beirut : Dar al-Qalam, t.t.), 2 : 48.

<sup>30</sup> Fakhr al-Razi, *Al-Tafsir al-Kabir* (Beirut : Dar al-Kutub al-Ilmiyyah, 1407H/1986M), 11 : 173.

<sup>31</sup> Ibnu al-Athir, *Al-Nihayah fi Ghorib al-Hadith* (Qaherah : Al-Maktabah al-Ilmiyyah, t.t.), 5 : 185.

<sup>32</sup> Al-Toher bin 'Asyur, *Al-Tahrir wa al-Tanvir* (Beirut : Maktabah Ibn Taimiyah, t.t.), 4 : 187.

<sup>33</sup> Akram Kassab, Syeikh, *Al-Manhaj al-Da'wi 'Inda al-Qardawi* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 2007), hal. 174

<sup>34</sup> Sekularisme juga derti sebagai fahaman 'tiada agama' atau 'cenderung kepada kehidupan dunia' yang tiada kaitan langsung dengan kehidupan akhirat, atau dengan kata lain aliran fahaman yang tiada kaitan dengan agama, iaitu agama dipisahkan daripada kehidupan dunia. - Yusuf al-Qaradawi, *Al-Islam wa al-'Ilmaniyyah Wajhan li Wajhin* (Qaherah : Dar al-Sohwah, 1987), hal. 48.

<sup>35</sup> Dr. 'Ali 'Abd al-Halim Mahmud, *Rukn al-'Amal aw Manhaj al-Islah al-Islami li al-Fard wa al-Mujtama'* (Qaherah : Dar al-Tawzi' wa al-Nasyr al-Islamiyyah, 1994), hal. 186-187.

<sup>36</sup> Al-Amir Syakib Arsalan, *Limadha Taakhara al-Muslimun wa Limadha Tagaddama Ghairuhum?* (Qaherah : Dar al-Basyir, 1985), hal. 166

<sup>37</sup> Dr. Ali 'Abd al-Halim Mahmud, *Wasail al-Tarbiyah 'Inda al-Ikhwan al-Muslimin* (Mansourah, Mesir: Dar al-Wafa' Li al-Tiba'ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi', 1989), hal. 15

Dalam Risalah al-Ta’alim<sup>38</sup> pula, Hasan al-Banna mengemukakan rukun bai’ah yang sepuluh, iaitu faham yang bercambah menjadi Usul 20, ikhlas, beramal (di bawahnya elemen beramal ini lahir pula 10 unsur pembangunan insan iaitu akidah yang jitu, konsep Ibadat yang menepati piawaian Islam, memelihara tubuh badan agar sentiasa sihat, sentiasa memelihara akhlak terpuji dan berusaha menggarap ilmu, memelihara waktu, bermanfaat buat orang lain, mampu berdikari, nersistematik dalam segenap urusan hidup dan berupaya dalam mencari rezeki, kemudian disusuli pula rukun bai’ah berjihad, berkorban, taat, cekal, bersaudara dan saling percaya mempercayai.

Sementara dalam Risalah Nizam Usrah ada konsep ta’aruf (berkenalan), tafahum (saling memahami) dan takamul<sup>39</sup> (saling lengkap melengkapi), usrah pula akan melahirkan manusia yang membangun dengan bacaan ayat-ayat al-Quran, diskusi hadith Nabi, bacaan Ma’turath<sup>40</sup>, berbincang dalam isu umat sejagat dan semasa yang bertujuan meningkat mutu cara berfikir sekali gus mengasah minda untuk memikirkan yang terbaik buat umat ini. Dari Nizam Usrah<sup>41</sup> ada pula program katibah, rehlah, mukhayyam dan lain-lain<sup>42</sup>.

## Kesimpulan

Kitab Majmu’at al-Rasail karya Hasan al-Banna merupakan rujukan agenda pembangunan insan dalam pelbagai dimensinya, dari peringkat mentarbiyah ahli menjadi individu muslim yang komited kepada Islam, seterusnya rumah tangga, masyarakat, umat dan negara, ini jelas terbukti apa yang mereka perolehi dalam Nizam Usrah, Katibah, Nadwah, Muktamar dan sebagainya. Kepelbagaiannya mekanisme wasail tarbiyah seperti yang disebutkan di atas terbukti berjaya membangun insan hingga sanggup berkorban untuk kemuliaan agama Islam, terutama di bumi Mesir. Sesungguhnya tarbiyah merupakan program serta wasail (wasilah) utama agenda pembangunan insan dalam kalangan anggota al-Ikhwan al-Muslimun melalui Nizam Usrah, Katibah, Nadwah, Muktamar dan lain-lain yang tidak terpisah dengan pendekatan para ilmuan Islam silam seperti Imam al-Ghazali, Ibn Qaiyim al-Jauziyyah, Syeikh Muhammad Abduh yang boleh disifatkan sebagai sifu dalam membangun insan pada zaman mereka. Iaitu mentarbiyah individu bertepatan dengan pelbagai disiplin Manhaj Islam dan nizam-nizam yang disebutkan, di mana kemuncak matlamat tarbiyah itu adalah pembentukan individu muslim, masyarakat umat Islam dan yang lebih penting sebuah Negara Islam yang mendaulatkan hukum dan undang-undang Allah SWT sebagai peraturan tertinggi sesebuah negara. Itulah Wasail Tarbiyah yang menjadi amalan, pegangan dan pendekatan Hasan al-Banna terhadap segenap anggota al-Ikhwan al-Muslimun kerana masyarakat Mesir pada ketika itu semakin longgar ikatan dan hubungan dengan ajaran Islam akibat ditimpa dengan penjajahan Barat yang membawa bersama mereka nilai serta cara hidup yang menyimpang jauh dari kebenaran, namun dengan teknik serta wasail tarbiyah yang terhimpun dalam kitab ulung iaitu Majmu’at al-Rasail karya Hasan al-Banna

<sup>38</sup> Sesungguhnya Usul al-‘Isyrin atau Usul 20 adalah bagi menjelaskan unsur Faham dalam rukun bai’ah, ia mendapat sentuhan pencerahan dari pelbagai pihak dalam kalangan ilmuan Islam, antara mereka yang membuat pencerahan panjang lebar mengenai Usul 20 itu adalah Juma’ah Amin ‘Abd al-‘Aziz dengan judul buku *Fahmu al-Islam fi Zilal al-Usul al-‘Isyrin li al-Imam Hasan al-Banna* (Iskandariah (Mesir) : Dar al-Da’wah, 1991). Dr. Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, *Syarh Usul al-‘Isyrin* terj. Ahmad Hasan bin Mohd. Nazam & Mohd. Nizam bin Mohd. Ali (Shah Alam : Dewan Pustaka Fajar, 2007). Muhammad ‘Abd al-Hakim Khayyal, *Syarh wa Tahlil al-Usul al-‘Isyrin Li al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna* (Iskandariah : Dar al-Da’wah, t.t.).

<sup>39</sup> Konsep takamul ini tidak syak lagi bahawa ia adalah antara tuntutan dalam amal Islami yang mampu mendidik luaran dan dalaman individu yang berada di dalamnya. – Sa’id Hawwa, *Al-Madkhil Ila Da’wat al-Ikhwan al-Muslimin* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1984), hal. 124

<sup>40</sup> Ia merupakan himpunan zikir dan wirid atas inisiatif Hasan al-Banna daripada Kitab al-Azkar Imam an-Nawawi yang merupakan wirid dan zikir al-Quran serta daripada hadith-hadith Sohib Imam al-Bukhari, Muslim Sunan at-Tirmidhi, an-Nasaie, ad-Darimi dan lain-lain. Ia disifatkan zikir serta wirid yang sampai kepada amalan Rasulullah s.a.w. Lihat pandangan Ridwan Muhammad Ridwan dalam Majmu’at al-Rasail, halaman 335.

<sup>41</sup> Al-Mursyid al-‘Am ketiga bagi Gerakan al-Ikhwan al-Muslimun, Syeikh ‘Umar al-Tilmasan ada cerita mengenai Nizam Usrah, pihak berkuasa Mesir amat takut dengan Nizam Usrah hingga menyifatkannya sebagai satu pertemuan yang membincangkan mengenai pembuatan senjata api, kononnya ia sangat bahaya dan muah al-Ikhwan al-Muslimun diharamkan atas nasihat British, malah menuduh ia sebagai sebuah gerakan penggalas, dengan mengharamkan gerakan ini, bermakna pada masa yang sama Nizam Usrah juga dimansuhkan. Pada hal keadaannya berbeza dengan kenyataan, ini kerana Nizam Usrah sebenarnya menghimpunkan beberapa individu dalam kalangan orang dewasa atau remaja, mereka memnbaca al-Quran bersama, menghafaz hadith-hadith pilihan, membaca Sirah Nabi, tafsir, fiqh semua secara bersama. Mereka dikehendaki dalam keadaan suci bersih, bukan sekadar ketika menghadiri usrah, malah digalakkkan untuk sentiasa dalam keadaan begitu dalam rutin harian hidup mereka, usrah sebenarnya dapat menaut ikatan persaudaraan sesama mereka, menyatukan cara berfikir serta mengurus atur cara hidup berdiplomasi sesama mereka, ahli keluarga, masyarakat dan umat sejagat, sedangkan Nizam Usrah ini sebenarnya telah diterapkan di sekolah-sekolah rendah dan menengah dengan mendapat sambutan yang amat positif daripada masyarakat, mengapa pihak berkuasa muah menggagalkannya?. ‘Umar al-Tilmasan, *Dhikrayat....La Mudhakkirat* (Qaherah : Dar al-‘Itisom, 1985), hal. 191-192.

<sup>42</sup> Boleh lihat selanjutnya menerusi Dr. Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, *Wasail al-Tarbiyah ‘Inda al-Ikhwan al-Muslimin* (Mansourah Mesir : Dar al-Wafa’ Li al-Tiba’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi’, 1989), hal 345-346. Boleh juga lihat Ahmad Rabi’ ‘Abd al-Hamid Khalif Allah, *Al-Fikr al-Tarbawi Lada Jama’at al-Ikhwan al-Muslimin* (Qaherah : Maktabah Wahbah, 1984), hal 222, ia merupakan tesis peringkat sarjana dengan pangkat kelas pertama di Fakulti Pendidikan, Universiti al-Azhar.

bagaikan pucuk dicita ulam mendatang yang sarat dengan wasail serta uslub tarbiyah untuk menjadikan individu-individu dalam kalangan al-Ikhwan al-Muslimun sebagai sebaik-baik umat seperti yang ditegaskan Allah dalam al-Quran. Justeru, unsur-unsur ‘Pembangunan Insan’ yang terdapat dalam Majmu’at al-Rasail menjadi pemangkin kepada kejayaan sebenar anggota al-Ikhwan al-Muslimun dalam meraih kejayaan di dunia sebagai hamba-hamba Allah yang bertaqwah dan di akhirat dengan ditempatkan dalam syurga Firdaus bersama para Anbiya’ alaihimussalam.

## Rujukan

- ‘Abd al-Halim Uwais, 1985. *Al-Islam kama Yanbaghi An Nu’min bihi*. Qaherah: Dar as-Sohwah.
- Ab. Aziz Mohd Zin, et al, 2006. *Dakwah Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Penerbitan Universiti Malaya.
- Ahmad Faez, 1985. *Dustur al-Usrah fi Zilal al-Quran*. Beirut : Muassasat al-Risalah.
- Ahmad Rabi’ ‘Abd al-Hamid Khalf Allah, 1984. *Al-Fikr al-Tarbawi Lada Jama’at al-Ikhwan al-Muslimin*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- Akram Kassab, 2007. *Al-Manhaj al-Da’wi ‘Inda al-Qardawi*. Qaherah: Maktabah Wahbah.
- ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, 1994. *Rukn al-‘Amal aw Manhaj al-Islah al-Islami li al-Fard wa al-Mujtama’*. Qaherah: Dar al-Tawzi’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, 2007. *Syarh Usul al-‘Isyrin*. (terj.) Ahmad Hasan bin Mohd. Nazam & Mohd. Nizam bin Mohd. Ali, Shah Alam: Dewan Pustaka Fajar.
- ‘Ali ‘Abd al-Halim Mahmud, 1989. *Wasail al-Tarbiyah ‘Inda al-Ikhwan al-Muslimin*. Mansourah, Mesir: Dar al-Wafa’ Li al-Tiba’ah wa al-Nasyr wa al-Tawzi’.
- Al-‘Allamah Al-Munawi, 1972. *Faid al-Qodir*. Beirut: Dar al-Ma’rifah.
- Al-Amir Syakib Arsalan, 1985. *Limadha Taakhara al-Muslimun wa Limadha Taqaddama Ghairuhum?* Qaherah: Dar al-Basyir.
- Anwar al-Jundi, 2000. *Hasan al-Banna – Al-Dai’ah al-Imam wa Al-Mujaddid al-Syahid*. Damsyiq: Dar al-Qalam.
- Fathi Yakan, 1988. *Manhajiah al-Syahid Hasan al-Banna wa Madaris al-Ikhwan al-Muslimin*. Beirut: Muassasat al-Risalah.
- Hasan al-Banna, 1949. *Majmu’at al-Rasail*. Dar al-Syihab.
- Hussain b. Muhammad b. Ali Jaber, 1987. *Al-Toriq ila Jama’at al-Muslimin*. Mansourah, Mesir: Dar al-Wafa’.
- Jaber Qamihah, 1998. *Al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna – Al-Siham al-Sauda’ wa ‘Ato al-Rasail*. Qaherah: Dar al-Tawzi’ wa al-Nasyr al-Islamiyyah.
- Jaber Qamihah, 2007. *Al-Malamih al-Fanniyyah wa al-Jamaliyyah fi Adabiyyat al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna*. Qaherah: Dar al-Nasyr li al-Jami’at.
- Juma’ah Amin ‘Abd al-‘Aziz, 1991. *Fahmu al-Islam fi Zilal al-Usul al-‘Isyrin li al-Imam Hasan al-Banna*. Iskandariah, Mesir: Dar al-Da’wah.
- Malek Bennabi, 1985. *Syurut al-Nahdah*, terj. ‘Abd Sobur Syahin. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Muhammad ‘Abd al-Hakim Khayyal, t.t. *Syarh wa Tahlil al-Usul al-‘Isyrin Li al-Imam al-Syahid Hasan al-Banna*. Iskandariah: Dar al-Da’wah.

Muhammad Akhmal Hakim, 2014. *8 Kecerdasan Membentuk Muslim Superior*. PTS Millennia Sdn. Bhd.

Muhammad al-Bahi, 1986. *Al-Quran wa al-Mujtama'*. Maktabah Wahbah.

Muhammad 'Ajjaj al-Khatib, 1983. *Lamhat fi al-Maktabah wa al-Bahth wa al-Masodir*. Beirut: Muassasat al-Risalah.

Muhammad Amin Hasan, 1983. *Khosois al-Da'wah al-Islamiah*. Amman: Maktabah al-Manar.

Mus Chairil Samani, 1997. *Penulisan Rencana Berkesan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa & Pustaka.

Sa'id Hawwa, Syeikh, 1984. *Al-Madkhali Ila Da'wat al-Ikhwan al-Muslimin*. Qaherah: Maktabah Wahbah.

Saiyid Qutb, 1982. *Fi Zilal al-Quran*. Qaherah : Dar al-Syuruq.

'Umar al-Tilmasani, 1985. *Dhikrayat...La Mudhakkirat*. Qaherah: Dar al-'Itisom.

Wan Jaffree b. Wan Sulaiman, 1980. *Detik-detik Hidupku...Hasan al-Banna*. Kuala Lumpur: Pustaka Salam.

Yusuf al-Qaradawi, 2004. *Sanggahan Salah Tafsiran Islam*, (terj). Kajang: Synergymate Sdn. Bhd.

Yusuf al-Qaradawi, 1999. *Al-Ikhwan al-Muslimun 70 'Am fi al-Da'wah wa al-Tarbiyah*. Qaherah: Maktabah Wahbah.

Yusuf al-Qaradawi, 1987. *Al-Islam wa al-'Ilmaniyyah Wajhan li Wajhin*. Qaherah: Dar al-Sohwah.